



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 2, February 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Kecenderungan Keusahawanan terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian dalam kalangan Pelajar Tingkatan 6

Azwin Darlina Ismail @ Hj Ja'far¹, Nor Aishah Buang¹ Norasmah Othman¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Azwin Darlina Binti Ismail @ Hj Ja'far (azwin041280@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti aspirasi pemilihan kerjaya keusahawanan atas talian dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 di sekolah daerah Segamat. Seramai 175 orang responden telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah kajian ini menggunakan kajian tinjauan dan instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik. Data dalam kajian ini diuji dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Ujian kolerasi yang digunakan dalam kajian ini digunakan untuk menganalisis hubungan antara kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan atas talian. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 23. Hasil dapatan kajian ini mendapati tahap aspirasi keusahawanan pelajar Tingkatan 6 ini berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala hubungan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi pemilihan kerjaya keusahawanan atas talian berada pada tahap yang lemah. Implikasi dalam kajian ini mencadangkan agar pelajar perlu didedahkan dengan platform perniagaan atas talian agar dapat menarik minat pelajar menceburi bidang keusahawanan.

Kata kunci: aspirasi, pelajar tingkatan 6, usahawan atas talian, kerjaya keusahawanan

Entrepreneurship Tendency to Online Entrepreneurship Career Aspirations Among Form 6 Students

Abstract

This study was conducted to identify the aspirations of online entrepreneurship career choice among Form 6 students of Segamat district schools. A total of 175 respondents were selected as respondents in this study. This research method uses survey research and the instrument used is a questionnaire. The data in this study were tested using descriptive statistics involving mean scores and standard deviations. The correlation test used in this study was used to analyze the relationship between entrepreneurial tendencies and online entrepreneurial aspirations. Data were analyzed using Statistical Package Social Science (SPSS) version 23. The results of this study found that the level of entrepreneurial aspirations of Form 6 students is at a moderately high level. While the relationship between the level of entrepreneurial tendencies and online career choice aspirations is at a weak level. Implications in this study suggest that students should be exposed to online business platforms in order to attract students to venture into entrepreneurship.

Keywords: aspirations, form 6 students, online entrepreneurs, entrepreneurial careers

Pengenalan

Keusahawanan merupakan suatu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi, mencipta pekerjaan baru, dan seterusnya menjadi ejen perubahan dan perkembangan ekonomi dalam sesebuah negara maju (Zamberi et al., 2013). Menurut Mohani et al. (2008), bidang keusahawanan dikatakan mampu untuk meningkatkan kadar per kapita bagi pendapatan sesebuah negara dan mampu membawa perubahan terhadap perniagaan yang diceburi. Singapura merupakan negara yang mempunyai kekurangan sumber semula jadi, namun mampu memperoleh pendapatan per kapita sebanyak USD \$ 65,233.00 berbanding Malaysia yang mempunyai banyak sumber semula jadi hanya mampu memperoleh pendapatan per kapita sebanyak USD \$10,741 (Global Economic Monitor World Trend Plus, 2020). Hal ini terbukti apabila bidang keusahawanan merupakan satu kerjaya yang mampu memberikan keuntungan kepada masyarakat dan negara, berdasarkan perbandingan pencapaian pendapatan yang diperoleh oleh negara-negara membangun yang lain.

Belia pada peringkat umur 19 hingga 24 tahun merupakan segmen yang besar dalam populasi penduduk di Malaysia tahun 2019 dengan peratusan sebanyak 9.9% dengan jumlah populasinya sebanyak 3,307 500 (Jabatan Statistik Malaysia, 2020). Penglibatan generasi muda terutamanya pelajar lepasan sekolah atau universiti dalam bidang keusahawanan telah menjadi isu utama yang dibincangkan di kebanyakan negara membangun (Norhidayah et al., 2014). Pelbagai inisiatif perlu dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk mewujudkan minat terhadap bidang keusahawanan dalam kalangan siswazah dan pelajar lepasan sekolah. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan, namun matlamat dan usaha tersebut masih belum nampak hasilnya kerana tidak ramai golongan muda berminat untuk menceburi bidang keusahawanan apatah lagi menjadikan keusahawanan ini sebagai satu kerjaya (Amran et al., 2014). Menurut Noorkartina et al. (2014), usaha untuk menarik minat golongan muda menjadi usahawan masih dianggap sebagai suatu tugas yang mencabar kerana pelajar lulusan menengah ataupun universiti tidak menunjukkan minat untuk terlibat dalam dunia perniagaan.

Laporan The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) 2019 / 2020 menunjukkan hampir 60% rakyat Amerika berpendapat bahawa bidang keusahawanan mempunyai potensi yang besar dan sangat menguntungkan berbanding dengan negara rantau Asia yang lain. Inilah yang membezakan sikap rakyat Amerika Syarikat dengan rakyat 26 buah negara lain yang rata-rata mempunyai bawah 41% untuk merebut peluang dalam bidang keusahawanan. Laporan ini menunjukkan bilangan peratusan penglibatan rakyat Amerika Syarikat dalam bidang keusahawanan berada pada tahap yang lebih tinggi.

Dalam sumber lain pula mendapati Thailand merupakan antara negara paling ramai bilangan usahawan dan peniaga di dunia selepas Uganda yang dapat membantu meringankan kos sara hidup serta bebanan hutang penduduk Thailand (Global Entrepreneurship Monitor, 2019). Situasi ini sangat berbeza di Malaysia kerana bidang keusahawanan tidaklah dilihat sebagai satu bidang kerjaya yang hebat di mata masyarakat jika dibandingkan dengan bidang lain seperti jurutera, arkitek, peguam atau doktor (Nasharudin et al., 2010). Selain itu, dalam kalangan siswazah Malaysia pula, kerjaya dalam bidang keusahawanan masih lagi tidak berjaya mendapat tempat dalam kalangan pelajar dan siswazah. Dalam kajian Norasmah (2005), siswazah Malaysia menganggap kerjaya dalam bidang keusahawanan ini sebagai pilihan kerjaya kedua ataupun pilihan terakhir bagi mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Berdasarkan kajian Kwong et al. (2016), terdapat sebilangan pelajar yang bercita-cita untuk menceburi bidang keusahawanan, tetapi mereka tidak mahu mengambil peluang itu untuk menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai kerjaya pilihan.

Bidang keusahawanan yang sebelum ini adalah pilihan terakhir dalam sektor pekerjaan, kini berubah apabila menjadi pilihan utama rakyat menjelang pasca COVID-19 (Berita Harian, 2020). Setakat ini, keusahawanan telah menjadi jalan terakhir bagi lepasan sekolah dan universiti setelah gagal mendapat pekerjaan lain yang dianggap lebih stabil dan membanggakan. Ramai orang berpendapat bahawa usahawan atau peniaga kecil tidak sehebat pekerjaan lain dan amat memalukan kerana mereka tidak mempunyai pendapatan tetap. Pandemik COVID-19 adalah tamparan hebat bagi rakyat Malaysia yang berpendapat demikian untuk mengubah mentaliti keusahawanan yang telah lama dianggap tidak stabil

terhadap pekerjaan yang akan menjadi sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan hidup di masa depan.

Kesan COVID-19 menunjukkan usaha kerajaan selama bertahun-tahun menuju Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) yang melibatkan teknologi automasi, tepat dan tidak sia-sia. Ini membuka mata masyarakat terhadap peranan sains, teknologi maklumat dan komunikasi yang menjadi satu keperluan dalam rutin kehidupan masyarakat moden hari ini (Nur Yuhainis et al., 2017). Pendapat ini dipersetujui dalam kajian Faradillah et al. (2015), aplikasi teknologi maklumat dalam bidang perniagaan menjadi pendorong kepada usahawan muda dalam menjalankan perniagaan secara atas talian. Kesan daripada pandemik COVID-19, 60% rakyat Malaysia dilihat aktif dalam pembelian secara atas talian sepanjang tempoh itu (Vase ei, 2020).

Ramai usahawan atas talian yang lebih suka menjual serta mempromosikan produk mereka melalui atas talian yang menjadi sebab utama perkembangan produk yang dihasilkan oleh usahawan tersebut tersebar di seluruh negara (Gusniar et al., 2014). Kajian Kim et al. (2015), mendapati perniagaan atas talian pada hari ini mudah untuk mendapat sokongan masyarakat dan merupakan medium penjana pendapatan yang mudah pada masa kini. Hal ini dapat mendorong pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan atas talian dengan mudah dan seterusnya melahirkan aspirasi untuk mengembangkan perniagaan pada masa akan datang. Bagaimanapun, perniagaan atas talian hanya meliputi kawasan bandar sahaja. Hal ini disebabkan penggunaan internet yang agak terbatas di kawasan luar bandar kerana kemudahan ICT masih belum diperkembangkan di seluruh negara.

Kegagalan para pelajar dalam melihat peluang perniagaan atas talian sebagai kerjaya yang boleh menjamin masa depan telah menyebabkan para pelajar tidak memilih kerjaya keusahawanan dan telah memberi kesan kepada masalah pengangguran yang membebankan kerajaan pada masa kini kerana kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai. Maka dengan itu, kerajaan menyarankan dan menggalakkan pelajar lepasan sekolah mahupun siswazah menceburi bidang keusahawanan dalam usaha menyelesaikan masalah pengangguran

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk

- i. Mengetahui tahap kecenderungan keusahawanan pelajar Tingkatan 6.
- ii. Mengetahui tahap aspirasi pemilihan kerjaya keusahawanan atas talian pelajar Tingkatan 6.
- iii. Menguji hubungan tahap kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian dalam kalangan pelajar Tingkatan 6.

Sorotan Literatur

Kecenderungan Keusahawanan Pelajar

Kecenderungan boleh ditakrifkan sebagai situasi yang mengarahkan minda dan pemikiran individu untuk memberikan tumpuan kepada pencapaian tujuan dan matlamat yang ditetapkan. Kecenderungan ke arah keusahawanan ini dikaji kerana keinginan seseorang terhadap bidang keusahawanan mempunyai kesan dapat mempengaruhi keputusan seseorang untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan pada masa yang sama menjadi seorang usahawan. Oleh itu, tingkah laku individu seperti aktiviti atau program keusahawanan didasarkan pada kecenderungan dan keinginan sebelum melakukannya.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Peng et al. (2012) terhadap pelajar di Xi'an China mendapati bahawa pelajar mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa faktor psikologi dan faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Okoye (2016) yang mengatakan bahawa faktor psikologi mempunyai hubungan positif dengan kecenderungan keusahawanan kerana keberkesanan diri dan sokongan sosial.

Dalam kajian Norudin et al. (2011) pelajar tingkatan empat dan lima buah sekolah menengah di negeri Terengganu cenderung untuk menceburi bidang keusahawanan adalah kerana faktor kewangan. Hal ini kerana pelajar beranggapan bidang keusahawanan menjanjikan satu ganjaran yang lumayan. Dalam kajian ini juga mendapati, pelajar yang mengikuti program dalam kelab keusahawanan lebih mempunyai kecenderungan terhadap bidang keusahawanan berbanding dengan pelajar yang tidak menyertai program kelab keusahawanan. Hal ini menunjukkan pendidikan dan pengetahuan berkenaan keusahawanan dapat mewujudkan kesedaran kerjaya keusahawanan dan dapat menggalakkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian Wan et al. (2016) yang mendapati semua pelajar sekolah menengah yang menyertai Program Tunas Niaga di Terengganu cenderung untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Pendedahan pelajar terhadap pendidikan dan program-program keusahawanan mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar (Ahmad et al., 2011). Berdasarkan kajian itu, pelajar bukan teknikal dikatakan mempunyai kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi daripada pelajar teknikal. Ini memberi gambaran bahawa pelajar yang terdedah kepada pendidikan keusahawanan mempunyai kecenderungan positif untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Aspirasi Kerjaya Keusahawanan

Kerjaya merupakan elemen penting dalam kehidupan individu kerana akan mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan seseorang. Setiap individu perlu mengetahui potensi, kebolehan dan minat berkaitan dengan aspek pemilihan kerjaya pada masa hadapan (Sapora, 2015). Menurut Kwong et al. (2016), graduan lepasan bidang keusahawanan, mempunyai minat terhadap kerjaya keusahawanan akan tetapi mereka tidak mahu terlalu awal untuk menceburi bidang berkenaan. Hal ini disebabkan mereka ingin menimba pengalaman dengan bekerja dengan usahawan sedia ada. Menurut Zulnaidi (2015), pengalaman dalam jatuh bangun perniagaan merupakan medan latihan untuk melatih seseorang menjadi usahawan.

Menurut Suhaily et al. (2016), faktor penglibatan belia dalam bidang keusahawanan merangkumi faktor keinginan untuk berdikari, faktor pengetahuan dan kemahiran serta faktor pendidikan yang dapat merangsang belia untuk memilih kerjaya keusahawanan. Selain itu, pengalaman, pendidikan serta pengiktirafan juga merupakan faktor luaran yang menggalakkan pelajar memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya (Rummel et al., 2019). Menurut Nagarathanam et al. (2016) dalam kajian terhadap pelajar universiti mendapati bahawa pelajar yang memilih untuk menjadi usahawan sangat dipengaruhi oleh sikap dan niat mereka terhadap bidang keusahawanan. Dalam satu kajian mengenai pelajar sekolah menengah di Putrajaya mendapati bahawa faktor peribadi pelajar mempengaruhi pelajar dalam memilih kerjaya keusahawanan setelah tamat pengajian berbanding dengan sifat keperibadian yang terdapat pada mereka dan minat untuk menjadi seorang usahawan. Walau bagaimanapun, ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Yusof et al. (2013) dijalankan ke atas pelajar bumiputera di tiga buah sekolah di Skudai, Johor yang menunjukkan bahawa pelajar tidak bersedia menjadikan kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Hal ini adalah disebabkan pelajar berkenaan kurang mendapat pendedahan dan bimbingan untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Sementara itu, kajian Rohana (2010) terhadap pelajar yang mengambil mata pelajaran Vokasional (MPV) Teknotani mendapati bahawa seramai 107 orang pelajar memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Manakala dapatan kajian Mohd Zailani et al. (2013) ke atas pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia mendapati bahawa aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan kajian Zaidatol et al. (2011) pelajar sekolah menengah di Malaysia mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya keusahawanan kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai pendedahan dan kesedaran mengenai keusahawanan.

Perniagaan Atas Talian

Perniagaan atas talian mendapat tempat di hati masyarakat di Malaysia berbanding perniagaan konvensional yang memerlukan seseorang individu pergi ke kedai untuk mendapatkan barang. Perniagaan atas talian lebih mudah dan menjimatkan masa kerana semua transaksi dilakukan secara maya. Menurut Nurul Azifah et al. (2016), perniagaan atas talian merupakan satu rangkaian aplikasi teknologi komunikasi untuk menjalankan transaksi perniagaan, pertukaran maklumat antara penjual dengan pembeli sebelum, semasa dan selepas proses pembelian. Perdagangan kumpulan (C-Commerce), *Business-to-Business* (B2B), *Business-to-Consumer* (B2C), *Consumer-to-Business* (C2B) dan *Customer-to-Customer* (C2C) adalah komponen perniagaan dalam talian.

Perniagaan atas talian atau e-dagang merupakan suatu proses pengguna membeli atau menjual produk dan perkhidmatan melalui rangkaian Internet tanpa melibatkan orang tengah. Menurut Suhartini (2011), pembelian atas talian sangat mudah kerana pembeli hanya perlu membuka laman sesawang, memilih barang yang diinginkan, melakukan transaksi pembayaran dan kemudian barang akan dihantar kepada penerima. Kemudahan yang ada ini telah menyebabkan pengguna gemar membuat pembelian secara atas talian.

Menurut Coker et al. (2011), perniagaan atas talian adalah pilihan penting dan pelengkap untuk perniagaan tradisional yang tidak memerlukan pelbagai kos untuk memulakan perniagaan. Menurut Le Dinh et al. (2018), perniagaan atas talian adalah pembaharuan dan penyatuan aktiviti tradisional menggunakan teknologi terkini dalam dunia perniagaan masa kini. Menurut Musbri (2011), perniagaan atas talian merujuk kepada bidang perniagaan yang menggunakan teknologi dan kemudahan ICT bagi tujuan komunikasi dan melakukan transaksi. Perniagaan atas talian sememang sudah terkenal dan menjadi pilihan masyarakat pada masa kini (Rohaizan, 2016). Hal ini kerana, pelaksanaan untuk memulakan perniagaan ini sangat mudah dan semestinya tidak melibatkan modal yang tinggi. Risiko dalam perniagaan atas talian ini juga dikatakan sangat rendah dan peniaga dapat menguruskan perniagaan dengan kos yang lebih murah tanpa melibatkan upah pekerja ataupun sewaan tempat.

Dalam kajian Jebril (2020), perniagaan dalam talian mengalami peningkatan yang ketara dari minggu pertama Mac tahun 2020 iaitu sewaktu pandemik COVID-19 bermula. Di negara-negara Asia Tenggara, misalnya, Malaysia, Taiwan, Thailand, Singapura, dan Hong Kong peningkatan perniagaan atas talian adalah daripada jenis perniagaan penghantaran makanan (Karimi-Zarchi et al., 2020).

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Kaedah tinjauan ini adalah kaedah yang terkenal dalam penyelidikan pendidikan kerana dapat mengumpulkan dan menganalisis data dalam satu masa (Creswell, 2005). Menurut penentuan ukuran sampel Krejcie dan Morgan (1970), ukuran sampel bagi populasi 320 orang ialah 175 responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 6.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik. Menurut Ghazali et al. (2016), instrumen soal selidik adalah instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data yang digunakan dalam kajian tinjauan sehingga data dapat dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Instrumen kajian ini telah disesuaikan dan dimodifikasi berdasarkan kajian Nor Aishah (2007) dan Noor Azman (2017) untuk mendapatkan maklumat berkenaan kecenderungan keusahawanan. Manakala aspek aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian diadaptasi daripada kajian Norasmah et al. (2015) dan Helmy (2019). Soal selidik yang dirancang mengandungi tiga bahagian utama, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merangkumi demografi responden (9 item) yang diadaptasi dari Nor Zafirah (2017). Seterusnya, Bahagian B, berkaitan dengan kecenderungan keusahawanan (28 item) yang mencakupi aspek minat, kemahiran, sikap, pengalaman dan pengaruh ibu bapa yang diadaptasi daripada Noor Azman (2017). Bahagian C pula, merangkumi item aspirasi pemilihan kerjaya keusahawanan atas talian yang diadaptasi daripada Helmy (2019).

Bagi memastikan instrumen soal selidik ini boleh diguna pakai, satu kajian rintis telah diadakan terhadap 34 orang responden. Hasil ujian *Cronbach Alpha* menunjukkan indeks kepercayaan bagi item kecenderungan keusahawanan ialah 0.718 dan nilai kesahan adalah 0.3. Manakala nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi item aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian ialah 0.93 dan nilai kesahan melebihi 0.3. Jumlah keseluruhan *Cronbach Alpha* bagi instrumen ini ialah 0.84. Berdasarkan kajian Bond et al. (2015), nilai pekali minimum yang boleh digunakan pakai adalah pada tahap 0.6 hingga 0.7. Oleh yang demikian, nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.8 menunjukkan instrumen sangat baik dan boleh diterima (Bond et al. 2005). Jadual merupakan petunjuk nilai pekali *Cronbach Alpha* dalam kajian ini.

Jadual 1 : Jadual Interpretasi Skor *Cronbach Alpha*

Skor	Tahap
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Sumber : Bond et al. (2015)

Dalam kajian ini, data analisis melibatkan analisis statistik deskriptif dan inferens yang melibatkan skor min dan sisihan piawai dalam penentuan tahap kecenderungan keusahawanan dan tahap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian. Nilai interpretasi skor min dalam kajian ini telah diadaptasi daripada kajian Nunally (1978) dalam Ghazali et al. (2016). Jadual 2 merupakan asas penentuan tahap dalam kajian ini. Manakala bagi analisis hubungan tahap kecenderungan keusahawanan dengan tahap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian menggunakan kolerasi Pearson. Data dalam kajian dianalisis dengan menggunakan Perisian *Statistical Package For Social Science* Versi 23.0 (SPSS).

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min

Skor	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : Nunally (1978) dalam Ghazali et al. (2016)

Hasil Kajian

Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Tingkatan 6

Jadual 1 menunjukkan skor min tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min = 3.9297 ($s.p = .5196$). Berdasarkan keputusan kajian ini, item B2 (Saya akan menentukan sendiri apa yang hendak saya capai dalam kehidupan saya) menunjukkan kekerapan dan peratusan tertinggi dengan peratusan 56.0% (98 orang). Seramai 97 orang pelajar (55.4%) bersetuju dengan item B23 (Saya rasa aktiviti keusahawanan perlu diperbanyakkan di peringkat sekolah kerana ianya sangat menyeronokkan). Ini bermakna pelajar mahukan pihak sekolah mengadakan pelbagai aktiviti dan program keusahawanan bagi mewujudkan minat dan pengalaman kepada pelajar dalam bidang kerjaya keusahawanan. Berdasarkan item B22 (Saya percaya pengalaman akan memupuk sifat berani untuk menceburi bidang keusahawanan) mendapati seramai 91 orang pelajar (52.0%) yang bersetuju dengan item tersebut. Manakala 62 orang (46.6%) sangat bersetuju dengan item tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman yang diperolehi oleh pelajar dalam program atau aktiviti keusahawanan di sekolah berjaya memupuk sifat berani pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Jadual 1: Frekuensi dan Peratusan Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Tingkatan 6

BIL	Item	STS	TS	KS	S	SS
B1	Saya yakin apa yang saya dapat adalah hasil daripada usaha saya sendiri	0 0.0%	3 1.7%	31 17.7%	58 33.1%	83 47.4%
B2	Saya akan menentukan sendiri apa yang hendak saya capai dalam kehidupan saya.	0 0.0%	2 1.1%	18 10.3%	98 56.0%	56 32.0%
B3	Saya suka mencuba sesuatu yang baru.	0 0.0%	44 25.1%	0 0.0%	92 52.6%	38 21.7%
B4	Saya sentiasa berusaha keras untuk berada dalam kalangan yang terbaik.	0 0.0%	1 0.6%	25 14.3%	85 48.6%	64 36.6%
B5	Saya tetap melaksanakan sesuatu pekerjaan walaupun orang lain tidak mampu melakukannya	2 1.1%	4 2.3%	81 46.3%	58 33.1%	30 17.1%
B6	Saya sanggup mengorbankan keselesaan peribadi saya untuk kesempurnaan sesuatu pekerjaan	0 0.0%	0 0.0%	47 26.9%	70 40.0%	55 31.3%
B7	Saya boleh merancang sesuatu program atau aktiviti dengan baik	3 1.7%	6 3.4%	52 29.7%	68 38.9%	46 26.3%
B8	Saya boleh menyimpan wang dengan baik	11 6.3%	6 3.4%	35 20.0%	60 34.3%	63 36.0%
B9	Saya mahir dalam merekod segala perbelanjaan saya.	3 1.7%	0 0.0%	69 39.4%	64 36.6%	39 22.3%
B10	Saya berupaya untuk mempengaruhi orang lain dalam membuat sesuatu keputusan	5 2.9%	9 5.1%	52 29.7%	85 48.6%	24 13.7%
B11	Saya boleh menyelesaikan masalah dalam kumpulan perbincangan yang saya sertai	3 1.7%	7 4.0%	59 33.7%	76 43.4%	30 17.1%
B12	Saya mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik	5 2.9%	2 1.1%	59 33.7%	55 31.4%	54 30.9
B13	Saya boleh berkomunikasi dengan baik di dalam atau di luar kumpulan yang saya sertai	3 1.7%	6 3.4%	42 24.0%	68 38.9%	56 32.0
B14	Saya dapat merasai kepuasan yang tinggi apabila hasil kerja saya adalah terbaik	9 5.1%	1 0.6%	37 21.1%	47 26.9%	81 46.3%
B15	Saya tidak pernah menanggungkan perkara yang penting sehingga suatu masa yang sesuai	0 0.0%	3 1.7%	67 38.3%	60 34.3%	45 25.7%
B16	Saya percaya bahawa keputusan yang kukuh adalah penting dalam menentukan kejayaan sesuatu perniagaan	0 0.0%	0 0.0%	28 16.0%	71 40.6%	76 43.4%
B17	Saya sering melaksanakan sesuatu usaha dengan bersungguh-sungguh dan sebaik mungkin untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.	0 0.0%	1 0.6%	55 31.4%	78 44.6%	41 23.4%
B18	Saya sentiasa bersikap terbuka	8	2	34	94	37

	kepada setiap penciptaan yang baru	4.6%	1.1%	19.4	53.7%	21.1%
B19	Saya selalu mewujudkan peluang-peluang yang membolehkan saya mendapatkan faedah daripada peluang tersebut	6 3.4%	15 8.6%	42 24.0%	82 46.9%	30 17.1
B20	Saya suka menyertai aktiviti keusahawanan di sekolah.	1 0.6%	3 1.7%	46 26.3%	89 50.9%	36 20.6%
B21	Saya percaya penglibatan dalam aktiviti keusahawanan di sekolah dapat menarik minat dalam kerjaya keusahawanan	6 3.4%	12 6.9%	14 8.0%	96 54.9%	47 26.9%
B22	Saya percaya pengalaman akan memupuk sifat berani untuk menceburi bidang keusahawanan	2 1.1%	4 2.3%	14 8.0%	91 52.0%	64 36.6%
B23	Saya rasa aktiviti keusahawanan perlu diperbanyakkan di peringkat sekolah kerana ianya sangat menyeronokkan	2 1.1%	4 2.3%	14 8.0%	97 55.4%	58 33.1%
B24	Saya mahu pelajar diberi peluang berniaga semasa di alam persekolahan	0 0.0%	5 2.9%	22 12.6%	51 29.1%	97 55.4%
B25	Saya mempunyai keluarga yang menyokong saya untuk menceburi bidang perniagaan	17 9.7%	23 13.1%	43 24.6%	51 29.1%	41 23.4%
B26	Saya memilih pekerjaan atas pandangan dan sokongan keluarga saya	19 10.9%	15 8.6%	52 29.7	64 36.6%	25 14.3%
B27	Saya ingin memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan untuk membantu keluarga saya	22 12.6%	20 11.4%	28 16.0%	68 38.9%	37 21.1%
B28	Saya tetap akan memilih kerjaya keusahawanan walaupun mendapat halangan daripada keluarga	19 10.9%	19 10.9%	30 17.1%	68 38.9%	39 22.3%
Keseluruhan Min						3.9297
Sisihan Piawaian						.51961

Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian dalam kalangan Pelajar Tingkatan 6

Jadual 2 menunjukkan frekuensi dan peratusan aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar Tingkatan 6. Bacaan frekuensi dan peratusan item menunjukkan bacaan yang tinggi adalah pada skala kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Seramai 92 orang pelajar (52.6%) mempunyai peratus yang tinggi pada skala setuju bagi item (G9) iaitu saya sanggup menghadiri mana-mana kursus yang berkaitan dengan perniagaan atas talian. Pelajar bersedia untuk menghadiri mana-mana kursus yang berkaitan dengan perniagaan atas talian merupakan satu daripada aspirasi pelajar dalam menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Selain itu, 85 orang pelajar (48.6%) bersedia untuk menjadikan kerjaya keusahawanan atas talian sebagai kerjaya sekiranya pelajar tidak mendapat pekerjaan yang diimpikan (G18). Ini menunjukkan pelajar bersedia menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan sekiranya pelajar tidak mendapat pekerjaan seperti yang dikehendaki.

Jadual 2 : Frekuensi dan Peratusan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Tingkatan 6

BIL	Item	1	2	3	4	5
		STS	TS	KS	S	SS
G1	Saya tertarik dengan konsep perniagaan atas talian	6 3.4%	5 2.9%	25 14.3%	73 41.7%	66 37.7%
G2	Saya ingin memulakan perniagaan atas talian kerana lebih murah	6 3.4%	5 2.9%	32 18.3%	70 40.0%	62 35.4%
G3	Saya mempunyai ciri-ciri berdaya saing untuk menjadi seorang usahawan atas talian	0 0.0%	14 8.0%	61 34.9%	58 33.1%	42 24%
G4	Saya menggunakan sumber yang sedia ada secara minimum untuk menceburi kerjaya keusahawanan atas talian.	6 3.4%	5 2.9%	65 37.1%	68 38.9%	31 17.7%
G5	Saya mempunyai kapasiti yang unik untuk menjadikan kerjaya keusahawanan atas talian sebagai satu kerjaya	6 3.4%	3 1.7%	50 28.6%	81 46.3%	34 19.4%
G6	Saya merasakan perniagaan atas talian lebih menguntungkan berbanding berniaga secara tradisional	0 0.0%	2 1.1%	41 23.4%	75 42.5%	57 32.6%
G7	Saya yakin bahawa berniaga atas talian lebih mudah dikawal dan diselia	0 0.0%	0 0.0%	29 16.6%	82 46.9%	64 36.6%
G8	Saya mempunyai kemahiran mengurus kewangan dengan mengurangkan kos perbelanjaan	0 0.0%	4 2.3%	58 33.1%	72 41.1%	41 23.4%
G9	Saya sanggup menghadiri mana-mana kursus yang berkaitan dengan perniagaan atas talian	6 3.4%	6 3.4%	32 18.3%	92 52.6%	39 22.3%
G10	Saya yakin saya boleh menjadi usahawan atas talian yang berjaya	6 3.4%	8 4.6%	53 30.3%	52 29.7%	56 32.0%
G11	Saya lebih suka bekerja sendiri berbanding dengan kerja makan gaji	2 1.1%	0 0.0%	45 25.7%	64 36.6%	64 36.6%
G12	Saya mempunyai jaringan komunikasi yang baik dengan perniagaan lain	8 4.06	14 8.0%	41 23.4%	65 37.1%	47 26.9%
G13	Saya mempunyai kemahiran ICT sekiranya saya memilih kerjaya keusahawanan atas talian	6 3.4%	12 6.9%	44 25.1%	58 33.1%	55 31.4%
G	Saya kerap melayari media sosial dan laman sesawang untuk menganalisis sikap pengguna terhadap perniagaan atas talian	0 0.0%	20 11.4%	45 25.7%	80 45.7%	30 17.1%
14						
G15	Saya mempunyai kemahiran mengendalikan komputer	11 6.3%	80 45.7%	63 36.9%	19 10.9%	2 1.1%
G16	Saya seorang yang berani mengambil risiko dalam	0 0.0%	15 8.6%	42 24.0%	82 46.9%	36 20.6%

	menjadikan kerjaya keusahawanan sebagai pilihan kerjaya					
G17	Saya tertarik dengan kerjaya keusahawanan atas talian kerana status tinggi usahawan pada mata masyarakat	6 3.4%	11 6.3%	33 18.9%	77 44.0%	48 27.4%
G18	Saya sedia menjadikan kerjaya keusahawanan atas talian sebagai kerjaya sekiranya saya tidak mendapat pekerjaan yang diimpikan	8 4.6%	11 6.3%	22 12.6%	85 48.6%	49 28.0%

Berdasarkan frekuensi dan peratusan pemilihan kerjaya atas talian dalam Jadual 2 di atas, Jadual 3 pula merupakan dapatan skor min, sisihan piawai dan tahap skor min bagi tahap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian pelajar Tingkatan 6 daerah Segamat. Secara keseluruhan purata skor min bagi tahap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian ialah 3.9413 dan sisihan piawai ialah .78381. Berdasarkan interpretasi skor min, tahap aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar Tingkatan 6 daerah Segamat ini berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian

Dimensi	Min	Interpretasi	Sisihan Piawai
Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian	3.9413	Sederhana Tinggi	.78381

Hubungan antara Tahap Kecenderungan Keusahawanan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian Pelajar Tingkatan 6

Jadual 4, menunjukkan nilai pekali kolerasi yang digunakan untuk mengukur perkaitan atau hubungan antara dua pemboleh ubah. Pekali ini akan menentukan hubungan yang kuat atau lemah antara kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan atas talian.

Jadual 4 : Jadual Hubungan Kolerasi

Nilai Kolerasi (r)	Hubungan
1.00	Sempurna
0.80 - 0.99	Sangat Kuat
0.60 - 0.79	Kuat
0.40 - 0.59	Sederhana
0.20 - 0.39	Lemah
0.01 - 0.19	Sangat Lemah
0.00	Tiada Hubungan

Sumber : Fauzi Hussin et al. (2014)

Analisis bagi mengkaji tahap hubungan kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian diuji dengan menggunakan ujian kolerasi Pearson. Berdasarkan Jadual 5 terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan tahap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian pelajar Tingkatan 6 dengan nilai pekali $r = 0.393$, $p < 0.05$. Walau bagaimanapun hubungan ini mempunyai hubungan yang lemah. Dalam kajian ini, pekali kolerasi menunjukkan nilai 0.20 hingga 0.39 yang menunjukkan pekali mempunyai hubungan positif yang signifikan tetapi berada pada tahap lemah. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan langsung antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Dalam kajian ini, menunjukkan bahawa masih terdapat

pelajar tingkatan 6 yang masih kurang minat menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pada masa akan datang. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurang pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman terhadap bidang perniagaan. Selain itu juga, pelajar tingkatan 6 menganggap bidang kerjaya keusahawanan atas talian ini tidak memberikan jaminan pada masa hadapan.

Jadual 5: Analisis Kolerasi Pearson Antara Tahap Kecenderungan Keusahawanan dengan Tahap Kerjaya Keusahawanan

		Aspirasi Keusahawanan	Hubungan
Kecenderungan Keusahawanan	Kolerasi Pearson (r)	0.393	Lemah
	Sig (p)	0.000	

** Kolerasi signifikan pada aras 0.05

Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, secara keseluruhan tahap kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar Tingkatan 6 berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.9553. Hal ini disebabkan pelajar telah didedahkan dengan elemen pendidikan keusahawanan yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran Pengajian Perniagaan yang sedikit sebanyak memberi input kepada pelajar berkaitan dengan bidang keusahawanan. Pada dasarnya keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai peluang dan potensi untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan dalam kajian Sharifah (2003) yang dilakukan terhadap pelajar kursus Katering Sekolah Menengah Teknik di daerah Muar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang sederhana tinggi. Namun dalam kajian yang dijalankan oleh Mazirah et al. (2018) menyatakan tahap kecenderungan keusahawanan pelajar Kolej Vokasional berada pada tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan pelajar berpendapat bahawa bidang keusahawanan mampu memberikan pendapatan yang lumayan. Walau bagaimanapun, kecenderungan keusahawanan ini tidak akan menjamin individu yang terlibat dalam bidang keusahawanan (Zani et al., 2016). Situasi ini selaras dengan kajian Daniel et al. (2016) pengalaman pelajar bidang sains dan kejuruteraan menyertai karnival keusahawanan mewujudkan minat dalam bidang keusahawanan walaupun tidak mengambil kursus keusahawanan. Lope Pihie (2011) mendapati penglibatan pelajar sekolah menengah dalam program pembangunan usahawan dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dapat menggalakkan pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, sudah semestinya pengalaman apabila terlibat dalam aktiviti keusahawanan menjadi satu elemen penting dalam pembentukan sikap keusahawanan. Tahap aspirasi pemilihan kerjaya keusahawanan dalam talian pelajar Tingkatan 6 juga berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan potensi pelajar memilih kerjaya keusahawanan atas talian apabila tamat sekolah masih lagi samar-samar. Ini kerana 51 orang responden (29.1%) memilih untuk menjadi usahawan. Namun sebanyak 124 orang responden (70.9%) lebih cenderung memilih untuk bekerja dalam sektor kerajaan mahupun sektor swasta. Hal ini disebabkan pelajar tingkatan 6 tidak mengetahui kepentingan kerjaya keusahawanan atas talian. Ini dibuktikan dalam dapatan kajian yang dijalankan oleh Tsakiridou et al. (2014), hanya 12.6% pelajar yang mempunyai keinginan terhadap kerjaya keusahawanan. Begitu juga dengan kajian Norfadhilah et al. (2010) berkaitan dengan keinginan untuk kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti awam menunjukkan bahawa pelajar IPTA masih tidak mahu menjadi usahawan kerana mereka tidak melihat peluang yang luas dalam kerjaya keusahawanan. Pada dasarnya keinginan yang tinggi belum menjadi individu menjadi seorang usahawan.

Dapatan kajian daripada ujian kolerasi dalam Jadual 4 menunjukkan hubungan positif yang signifikan tahap kecenderungan keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian. Ini menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan dalam bidang keusahawanan mempunyai hubungan yang lemah terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian pelajar Tingkatan 6 ($r = 0.393$). Ini bermakna, pelajar tidak berminat menjadi usahawan sekalipun mempunyai kecenderungan yang positif terhadap keusahawanan. Sikap merupakan gambaran yang jelas yang ditonjolkan melalui tingkah laku

seperti pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan (Nor Aishah, 2016). Dalam kajian oleh Nurulhayah et al. (2016) terhadap 103 usahawan IKS di Melaka, mereka mendapati bahawa sikap keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kerjaya keusahawanan. Juga selaras dengan kajian Fitsimmons et al. (2010) yang mendapati bahawa sikap usahawan di China, India, Thailand dan Australia banyak menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan ini. Walaupun pelajar telah mendapat pendedahan tentang pendidikan, pelbagai program keusahawanan, dan kemahiran ICT, namun masih tidak dapat mendorong pelajar untuk meneruskan kerjaya keusahawanan atas talian sebagai kerjaya pilihan Norfadhilah (2010), pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan terutama dalam bidang keusahawanan supaya dapat mewujudkan minat terhadap bidang keusahawanan. Sahrin (2014), melalui program keusahawanan pelajar berpeluang untuk meningkatkan potensi dan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan terutamanya atas talian.

Kesimpulan

Aspirasi kerjaya keusahawanan atas talian dalam kalangan pelajar Tingkatan 6 masih lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Walaupun pelajar terdedah dengan pelbagai aktiviti dan pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah, pelajar masih lagi ragu-ragu untuk memilih bidang keusahawanan atas talian.

Proses pemilihan kerjaya bermula daripada tanggapan individu terhadap dunia pekerjaan dari peringkat kanak-kanak dan seterusnya berkembang ke peringkat remaja dan seterusnya alam dewasa. Mentaliti masyarakat yang bergantung kepada pekerjaan sama ada dalam sektor kerajaan mahupun sektor swasta perlu diubah. Pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempertingkatkan minat pelajar dalam bidang keusahawanan sekali gus menjadikan kerjaya keusahawanan atas talian sebagai satu kerjaya (Mazlina et al., 2015). Implikasi dalam kajian ini mencadangkan agar pelajar perlu didedahkan dengan platform perniagaan atas talian agar dapat menarik minat pelajar menceburi bidang keusahawanan Usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya generasi muda untuk menjadikan bidang keusahawanan atas talian sebagai satu kerjaya perlu dibuat secara berterusan. Hal ini kerana, kerjaya keusahawanan atas talian ini mempunyai peluang dan potensi yang luas pada pandemik COVID-19 di samping dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan generasi muda pada masa kini.

Rujukan

- Armanurah Mohamad, Mouhammad Hussin, & Nor Aishah Buang. (2014). Exploring Dimension Of Entrepreneurial Skills Among Student Enterprise Of Universiti Utara Malaysia. *International Multilingual Journal Of Contemporary Research*, 2(2), 37-51.
- Baharu Kemat Alhaj, Mohammed Zain Yusof, & Dan Nita Edama. (2011). Entrepreneurial Intention: An Empirical Study Of Community College Students In Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14(1), 45-58.
- Buerah Tunggak & A. Zoolhilmi. (2015). Pengaruh Faktor Latar Belakang Terhadap Orientasi Sikap Keusahawanan Dalam Kalangan Usahawan Belia Bumiputera Muslim. *Akademika*, 85(2), 29-43. [Http://Doi.Org/10.17576/Akad-2015-8502-03](http://doi.org/10.17576/Akad-2015-8502-03).
- Eriniwati Aliza Miat. (2014). *Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Faraliyana Rahimi & Nor Aisyah Buang. (2017). Perbandingan Tahap Sikap Keusahawanan Sumber Dorongan, Dan Efikasi Kendiri Dengan Tahap Aspirasi Keusahawanan Mahasiswa Jurusan Ekonomi, UKM, UPM Dan UKM. *Journal of Business and Social Entrepreneurship*, 1(1): 29-38.
- Fauzi, H., Jamal, A., & Mohd Saifoul, Z. N. (2014). *Kaedah Penyelidikan Dan Analisis Data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Global Economic Monitor World Trend Plus. (2020). Perbandingan Pendapatan Ber Kapita Singapura Dan Malaysia.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2020). Jumlah Populasi Rakyat Malaysia Mengikut Umur, Jantina Dan Daerah Tahun 2019.
- Mai Ngoc Khuong & Nguyen Huu An. (2016). The Factors Affecting Entrepreneurial Intention Of The Students Of Vietnam National University - A Mediation Analysis Of Perception Toward Entrepreneurship. *Journal of Economics, Business And Management*, 4(2), 104-11.
- Muhammad Shoiab Farooq, Norizan Jaafar, Kartinah Ayupp, Maimoona Salam & Yasir Hayat Mughal. (2016). Impact of Entrepreneurial Skills And Family Occupation On Entrepreneurial Intentions. *Sci. Int. (Lahore)*, 28(3), 3146-3148.
- Noorkartina, M., Lim, H.-E., Norhafezah, Y., & Soon, J.-J. (2015). Estimating the Effect of Entrepreneur Education On Graduates' Intention To Be Entrepreneurs. *Education + Training*, 57(8/9), 874–890. [Http://Doi.Org/10.1108/ET-03-2014-0030](http://doi.org/10.1108/ET-03-2014-0030)
- Norasmah Othman & Salmah Ishak. (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi*, 56, 47-63.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman & Rahmah Ismail. (2012). Impact of Globalization on Trends in Entrepreneurship Education In Higher Education Institutions. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 3(4), 267-271.
- Norasmah Othman. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Fakulti Pendidikan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11-17.
- Norudin Mansor, Siti Haryati Shaikh Ali & Nor Aishah Abdul Ghani. (2011). Entrepreneurial Intention: Does Malaysian Secondary School Provide the Platform. Kuwait Chapter of Arabian. *Journal of Business And Management Review*, 1(3), 19-35.
- Nur Zafirah Abdul Rahim. (2017). *Impak Kursus Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan*. Projek Penyelidikan. UKM, Bangi.
- Okoye, L. J. (2016). Psychosocial Predictors of Entrepreneurial Intention Among Nigerian Graduates. *International Journal of Psychology and Counselling*, 8(6), 73-80. <http://Academicjournals.Org/Journal/IJPC/Article-Abstract/107459158922>
- Peng, Z., Lu, G. & Kang, H. (2012). Entrepreneurial Intentions And Its Influencing Factors: A Survey Of The University Students In Xi'an China. *Creative Education*, 3(12), 95-100.
- Ravi Nagarathanam & Nor Aishah Buang. (2016). The Relationship Between Attitude, Intention and Entrepreneurship Career Choice Among Malaysian Indian Undergrauates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Ravi Nagarathanam. (2015). *Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Bangi*. Projek Penyelidikan. UKM, Bangi.
- Salmianti Binti Mutalib. (2014). *Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kolej Komuniti Bandar Penawar, Bandar Penawar, Johor, Malaysia.
- The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) 2019.
- Vase. Ai. (2020). Change in Consumer Purchase Behaviors (April, 2020)
- W. Mohd Zaifurin, W. N., Ibrahim, M., Nor Hayati, S., & Sabri, A. (2016). Conceptual Framework of Adolescent's Intention to Involving in Entrepreneurship at Malaysia. *International Journal of Research in Business and Sosial Sciences*, 6(2), 166–182.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. (2016). Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 87-98
- Zaidatol Akhmaliah Lope Pihie & Afsaneh Bagheri. (2011). Malay Student' Entrepreneur Attitude and Entrepreneurial Efficacy In Vocational And Technical Secondary School Of Malaysia. *Journal Pertanika Science Social and Humanity*, 19(2), 433-447